

11/01/2002

Kertas putih Al-Ma'unah di Parlimen Mac

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan dijangka membentangkan kertas putih mengenai kegiatan kumpulan Al-Ma'unah di Parlimen pada Mac ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail, berkata mesyuarat pertama penggal keempat Parlimen ke-10 akan diadakan pertengahan Mac ini dan pembentangan kertas putih itu, boleh dilakukan ketika itu.

Katanya, pembentangan kertas putih mengenai kumpulan Al-Ma'unah tidak akan dibuat dalam masa terdekat ini kerana Parlimen belum bersidang. Kertas putih hanya boleh dibahas atau dibentangkan di Parlimen dalam bentuk kertas perintah kerajaan melalui menteri yang bertanggungjawab.

"Jika ia membabitkan kegiatan kumpulan militan seperti Al-Ma'unah, ia biasanya dibentangkan oleh Menteri Dalam Negeri. Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman lalu, Perdana Menteri boleh membahas atau membentangkan satu-satu kertas putih di Parlimen," katanya ketika dihubungi Berita Harian, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini dilaporkan berkata, kertas putih mengenai kegiatan Al-Ma'unah akan dikeluarkan selepas perbicaraan terhadap ahli kumpulan itu selesai.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Disember lalu, menjatuhkan hukuman mati ke atas Ketua Kumpulan Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali, 30, bersama dua anggotanya, Zahit Muslim dan Jamaludin Darus selepas mendapati mereka bersalah atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Seramai 16 lagi anggota Al-Ma'unah dikenakan penjara sepanjang hayat mengikut Seksyen 121 Kanun Keseksaan atas kesalahan yang sama.

Mohamed Zahir berkata, sebelum kertas putih dibentangkan, menteri perlu mengemukakan usul pembentangan kertas putih kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat bagi mendapatkan Aturan Mesyuarat.

Beliau menjelaskan, kerajaan membentangkan kertas putih di Parlimen bagi memaklumkan kepada anggota Parlimen dan rakyat mengenai sesuatu isu yang membabitkan kepentingan awam.

Matlamat pembentangan kertas putih juga ialah menjelaskan kepada Parlimen mengenai beberapa perkara atau isu berkaitan yang boleh dibuka kepada perbahasan di kalangan anggota.

Sebelum ini, kerajaan beberapa kali mengeluarkan kertas putih, antaranya bagi menjelaskan:

- * Aktiviti Subversif Komunis (dibentangkan pada 1964)
- * Ke arah Keharmonian Kaum (1971)
- * Persatuan Bahasa Cina, Universiti Malaya (1974)
- * Krisis Kewangan Bank Rakyat (1979)
- * Ancaman Terhadap Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara (1984)
- * Skandal Pinjaman BMF (1986)
- * Peristiwa Memali di Baling (1986)

Mohamed Zahir berkata, perkara atau isu yang dibentangkan melalui kertas putih memberi kesan kepada rakyat dan negara secara keseluruhan.

"Bagaimanapun, ia terpulang kepada kerajaan sama ada kertas putih yang dikeluarkan akan dibentangkan bagi perbahasan atau hanya dikeluarkan sebagai satu maklumat kepada rakyat mengenai kejadian sebenar dalam isu itu," katanya.

Kali terakhir kertas putih dibentangkan di Parlimen pada 6 dan 7 April 1999, mengenai Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

(END)